



**MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PELANCONGAN ISLAM
16300 BACHOK
KELANTAN**

Tel: 09-7787636

Faks: 09-7789533

PEMBERITAHUAN

IKLAN TAWARAN PAJAKAN PASAR MALAM BACHOK BAGI TAHUN 2021

Ruj. Fail : MDB 48/7/4/JLD.34

Tarikh : 15 Oktober 2020

1. Tawaran adalah dipelawa kepada orang perseorangan atau Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang tinggal dalam Jajahan Bachok untuk memajak kutipan hasil Kepala Bakul Pasar Malam Bachok bagi tempoh 1hb Januari 2021 hingga 31hb Disember 2021. Pajakan tahunan dihadkan tidak kurang dari RM8,000.00 setahun.
2. Setiap orang yang hendak memasuki tawaran dikehendaki menyimpan wang pertaruhan sebanyak **RM500.00**. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya manakala penawar yang berjaya tetapi enggan menerima/menolak tawaran, wang pertaruhan akan dijadikan hasil **MAJLIS DAERAH BACHOK**.
3. Tawaran hendaklah dibuat melalui Borang Tawaran Pajakan yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam dengan harga sebanyak **RM 20.00(Ringgit Malaysia: Dua Puluh Sahaja)** senaskah. Borang tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul beserta dengan resit Am Wang Pertaruhan. Sampul surat tawaran yang telah disempurnakan dan dimeterai hendaklah ditulisnya **“TAWARAN PAJAKAN PASAR MALAM BACHOK BAGI TAHUN 2021”** dan hendaklah di alamatkan kepada:

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BACHOK,
16300 BACHOK, KELANTAN.**

Selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada 25 November 2020 (Rabu) bersamaan 9 Rabiulakhir 1442H.

4. Penawar yang berjaya dikehendaki menandatangani surat perjanjian dan menjelaskan bayaran deposit tambahan sebanyak 3 bulan kadar pajakan dan setem surat perjanjian dalam tempoh 7 hari selepas diberitahu. Jika penawar gagal berbuat demikian tawaran pajakan akan dibatalkan tanpa sebarang notis lagi.
5. Kos bagi kerja-kerja membersih kawasan Pasar Malam, Bayaran Bil Air dan Elektrik adalah tanggungjawab pemajak sepenuhnya untuk menjelaskannya.

6. Bayaran pajakan hendaklah dijelaskan sebelum 7 haribulan pada setiap bulan, jika pemajak gagal berbuat demikian pajakan boleh dibatalkan tanpa sebarang notis.
7. Pemajak akan diberi surat kebenaran untuk membolehkannya mengutip hasil dari para peniaga dengan kadar yang difikirkan munasabah oleh pihak majlis.
8. Pemajak hendaklah memberi 30 hari notis bertulis kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Bachok jika ia hendak membatalkan pajakan.
9. Pihak majlis tidak terikat dengan mana-mana tawaran sama ada yang tertinggi atau sebaliknya. Keputusan Majlis adalah muktamad, sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT #
SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT

Saya yang menjalankan amanah,

MOHAMAD BIN JAAFAR
Setiausaha,
Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam.
b.p : Yang Dipertua
Majlis Daerah Bachok- Bandar Pelancongan Islam
Kelantan

s.k

1. YABrs. Tuan Yang Dipertua,
Majlis Daerah Bachok.
2. Semua Ahli Majlis Daerah Bachok-BPI.
3. MDB : 48/7/4/JLD.34
Tarikh : 15 Oktober 2020

LAMPIRAN A

KADAR HASIL KEPALA BAKUL
PASAR-PASAR MAJLIS DAERAH BACHOK
BAGI TAHUN 2021

<u>Bil.</u>	<u>Jenis Perniagaan</u>	<u>Kepala Bakul</u>	
1.	Kain baju/pakaian	RM	1.00 sehari
2.	Barang macam-macam	RM	1.00 sehari
3.	Tembakau rokok	RM	1.00 sehari
4.	Beras 50 gantang dan 10 sen tiap tambahan 10 gantang	RM	1.00 sehari
5.	Rempah bawang/runcit	RM	1.00 sehari
6.	Garam 10 pikul ke bawah dan 10sen tiap tambahan 5 pikul	RM	1.00 sehari
7.	Minyak kelapa/lain-lain minyak makanan	RM	1.00 sehari
8.	Gerai makanan/minuman	RM	1.50 sehari
9.	Kopi dan roti	RM	1.00 sehari
10.	Mee/mehoon	RM	1.00 sehari
11.	Makanan yang telah dimasak	RM	1.00 sehari
12.	Sayur dan buah-buahan	RM	1.00 sehari
13.	Ikan kering 1 bakul	RM	1.00 sehari
14.	Ikan basah 1 tong	RM	2.00 sehari
15.	Ayam / itik 1 raga	RM	3.00 sehari
16.	Daging lembu / kerbau seekor	RM	9.00 sehari
17.	Daging lembu / kerbau satu petak gerai	RM	4.00 sehari
18.	Penjaja dengan kereta, lori, van dll	RM	3.00 sehari
19.	Pisang 1 bakul	RM	1.00 sehari
20.	Pisang 1 van	RM	6.00 sehari
21.	Tembikai 1 van	RM	11.00 sehari
22.	Lain-lain barang jualan yang tidak disebut dalam perjanjian ini	Hendaklah diambil dengan kadar yang berpatutan	